

# DYNA BALM SERAI WANGI

Camphor/Menthol/Thymol (10% w/w / 8% w/w / 1% w/w)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Balm Serai Wangi
2. Bagaimana Dyna Balm Serai Wangi berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Balm Serai Wangi
4. Cara menggunakan Dyna Balm Serai Wangi
5. Semasa menggunakan Dyna Balm Serai Wangi
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Balm Serai Wangi
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dyna Balm Serai Wangi

Digunakan untuk rawatan sementara melegakan sakit-sakit ringan otot dan sendi berkaitan dengan sakit belakang yang biasa, keradangan dan sakit sendi.

## Bagaimana Dyna Balm Serai Wangi berfungsi

Thymol adalah disinfektan yang mempunyai ciri-ciri anti kulat. Camphor bertindak sebagai mengembangkan saluran darah dan meningkatkan aliran darah dan melegakan sakit ringan. Menthol mengembangkan saluran darah, menyebabkan rasa sejuk diikuti dengan kesan melegakan kesakitan.

## Sebelum menggunakan Dyna Balm Serai Wangi

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dyna Balm Serai Wangi pada kanak-kanak dibawah umur 2 tahun.

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Tiada laporan berkaitan kesan-kesan advers ubat.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Dyna Balm Serai Wangi.

### - Sebelum mula menggunakan Dyna Balm Serai Wangi

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hipersensitiviti pada bahan kandungan produk ini.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Dyna Balm Serai Wangi

### - Berapa banyak harus digunakan

Selepas membersihkan kulit, sapukan ubat ini dengan lembut dan perlahan-lahan pada bahagian yang terjejas 3 hingga 4 kali sehari apabila diperlukan. Hentikan penggunaan jika iritasi berlebihan pada kulit terjadi.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna Balm Serai Wangi untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Penyediaan ubat ini kurang memberikan kesan sampingan jika mengikut arahan yang disyorkan.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Dyna Balm Serai Wangi

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Balm Serai Wangi.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Balm Serai Wangi kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Penyediaan ini tidak disyorkan untuk digunakan pada luka terbuka. Perhatian mestilah ditegaskan apabila kanak-kanak yang lebih tua dirawat. Ia berbahaya untuk meletakkan apa-apa produk yang mengandungi camphor pada lubang hidung kanak-kanak. Amaun yang sedikit digunakan dengan cara ini boleh menyebabkan pengsan. Elakkan terkena mata atau pada membran mukus.

## Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan Dyna Balm Serai Wangi adalah:  
Iritasi kulit mungkin berlaku. Apabila disapu pada kulit, thymol menghakis. Menthol boleh meningkatkan reaksi hipersensitiviti termasuk dermatitis sentuhan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

# DYNA BALM SERAI WANGI

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Camphor/Menthol/Thymol (10% w/w / 8% w/w / 1% w/w)

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Dyna Balm Serai Wangi

#### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak

Jauhi dari mata

Simpan di tempat kering di bawah 30°C

Pastikan bekas ditutup rapat

Untuk kegunaan luar sahaja

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan

melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda

mengenai cara untuk melupuskan ubat

yang tidak diperlukan lagi. Langkah-

langkah ini dapat membantu

melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Salap berwarna hijau dengan wangian menthol.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Camphor, Menthol & Thymol

- Bahan-bahan tidak aktif

Oil Soluble Green, Cassia Oil,

Peppermint Oil, White Paraffin Wax,

White Soft Paraffin, Citronella Oil

#### - Nombor MAL

MAL05072050X

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran

### Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

10/04/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)090418/00095